

**PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK PENGAJARAN (ATP) BAHASA MELAYU  
OLEH GURU PRASEKOLAH BERASASKAN MODEL ZEMELMAN DALAM  
PENGAJARAN BAHASA MELAYU**

*Implementation of Best Practices in Malay Teaching (ATP) Based  
on the Zemelman Model among reschool Teachers*

Shuhaiza Mohd Sharif \*, Abdul Halim Masnan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*[shuhaizasharifupsi2021@gmail.com](mailto:shuhaizasharifupsi2021@gmail.com), [abdul.halim@fpm.upsi.edu.my](mailto:abdul.halim@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 26 July 2023

**To cite this article (APA):** Mohd Sharif, S., & Masnan, A. H. (2023). Implementation of Best Practices in Malay Teaching (ATP) Based on the Zemelman Model among reschool Teachers: Pelaksanaan amalan terbaik Pengajaran (ATP) Bahasa Melayu oleh guru prasekolah berasaskan Model Zemelman dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 179–189. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.17.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.17.2023>

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) dalam kalangan guru prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan ATP guru prasekolah berasaskan salah satu dari tiga prinsip utama ATP yang dinyatakan oleh Zemelman (2012) iaitu pengajaran berpusatkan murid. Dalam kajian ini, empat elemen asas pengajaran berpusatkan murid difokuskan ialah pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran. Data diperolehi dengan mengaplikasikan teknik triangulasi, iaitu menerusi gabungan kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen terhadap tiga orang guru prasekolah yang dipilih sebagai responden kajian ini. Kaedah ini telah dijalankan terhadap ketiga-tiga orang responden kajian untuk mengumpul maklumat berkaitan empat elemen asas berkaitan dengan pengajaran berpusatkan murid yang terdiri daripada: i) pandangan guru mengenai ATP. Maklum balas daripada kesemua responden telah diterjemah dan dianalisis mengikut tema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah mempunyai pandangan yang positif terhadap pelaksanaan ATP. Guru prasekolah juga berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam melaksanakan ATP seperti kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta kemudahan yang terhad. Guru prasekolah telah menyumbang beberapa cadangan untuk mengatasi kesemua cabaran yang timbul seperti: i) latihan kursus dan penyediaan bahan bantu mengajar.

**Kata kunci:** Amalan Terbaik Pengajaran, Bahasa Melayu, Guru Prasekolah

## **ABSTRACT**

This study was conducted to identify the implementation of Best Teaching Practices (ATP) among preschool teachers. This study aims to explore the implementation of preschool teacher ATP based on one of the three main principles of ATP stated by Zemelman (2012), which is pupil-centered teaching. In this study, the four basic elements of pupil-centered teaching focus on are student experience-based teaching, holistic teaching, authentic teaching, and challenge-based teaching. Data was obtained by applying triangulation techniques, namely through a combination of interview, observation, and document analysis methods, on three preschool teachers selected as respondents to this study. This method was carried out on all three respondents to collect information on four basic elements related to pupil-centered teaching, which consist of the teacher's views on ATP. Feedback from all respondents was translated and analyzed according to the theme. The findings showed that preschool teachers have a positive view of the implementation of ATP. Preschool teachers also face challenges in implementing ATP, such as time constraints, insufficient knowledge, and limited facilities. Preschool teachers have contributed several suggestions to overcome all the challenges that arise such as: i) training and courses and preparation of teaching aids.

**Keywords:** Best Practices of Teaching, Malay Language, Preschool Teachers

## **PENGENALAN**

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan mulai tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSPK menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Usaha memasukkan Standard Prestasi di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu bidang pembelajaran serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan perkembangan murid.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSPK, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagai aktiviti berpandukan Standard Pembelajaran mengikut kesesuaian murid. Adalah diharapkan guru akan menghayati dan melaksanakan kehendak-kehendak sebagaimana yang terkandung dalam kurikulum ini agar matlamat dan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai (KSPK, 2017). Salah satu perkarayang amat berkait rapat dengan matlamat ini ialah Amalan Terbaik Pengajaran (ATP). ATP merupakan amalan terbaik yang dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah. Zemelman (2012) menggariskan bahawa ATP ialah satu amalan dalam proses pengajaran yang terbaik yang dilaksanakan oleh guru dengan mengambil kira tiga prinsip utama, iaitu pengajaran berpusatkan murid, kognitif dan sosial. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau tahap ATP guru prasekolah khususnya dari aspek berpusatkan murid. Konsep ini melibatkan peranan guru prasekolah sebagai individu yang dapat mampu memberi pendidikan awal yang terbaik kepada murid.

ATP adalah antara amalan yang dapat memenuhi peranan guru prasekolah dalam memberi pendidikan secara holistik dan menggabungkan elemen-elemen kemahiran dan gagasan pendidikan sebagai teras pengajaran. Dalam erti kata lain, guru prasekolah perlu memiliki anjakan paradigma yang dapat menonjolkan kewibawaan profesion dan sekali gus bertindak sebagai pemudah cara terbaik sebagai menerusi teori, prinsip dan amali (Nor Hadibah, 2020). Selaras dengan perubahan dalam dunia pendidikan, guru prasekolah seharusnya lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaianya serta sentiasa memikirkan pendekatan baharu untuk mengadaptasikan amalan mereka dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Antaranya ialah guru perlu mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, PdP yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru prasekolah yang terbaik.

### **Pernyataan Masalah**

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) juga menyatakan bahawa amalan terbaik dalam pengajaran yang diamalkan oleh guru akan menjadi pemangkin kepada murid untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya murid ke arah melahirkan semangat cintakan bahasa dalam satu wawasan demi memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, ATP ialah amalan pengajaran bahasa yang terbaik yang disandarkan kepada garis panduan pengajaran berpusatkan murid, yang merangkumi empat elemen, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran.

Terdapat kajian yang menyatakan ATP dapat meningkatkan pencapaian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lalu (Zulkifli 2013; Abdul Rasid 2013; Juriah 2010) mendapati ATP khususnya dalam Bahasa Melayu dapat meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa. Kajian Layang dan Jamaludin (2018) juga mendapati guru bermasalah dalam mengamalkan pengajaran yang berkesan dalam pengajaran literasi bahasa. Kajian ini juga wajar dilaksanakan kerana kajian kebanyakan kajian dalam bidang ini lebih tertumpu disekolah menengah (Shahril @ Charil, 2014 dan Rozita Radhiah dan Abdul Rasid, 2011, 2012) dan berpusatkan guru (Wan Nurzuliana, 2019). Menurut

Abdullah dan Ainon (2008) keberkesanan sesuatu pengajaran amat bergantung kualiti seseorang guru.

Guru yang komited dan beriltizam akan menjamin kebekersanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, pembelajaran berpusat murid juga, khususnya melalui pembelajaran autentik yang menekankan pengalaman murid sebagai perantara pembelajaran yang utama, dapat meningkatkan minat dan keupayaan murid menguasai kecekapan berbahasa (Zulkifli, 2019a; Zulkifli, 2019b). Guru prasekolah perlu mempunyai Perancangan jangka masa panjang dan pendek bagi aktiviti PdP perlu dibuat berdasarkan keperluan kurikulum, membuat perancangan jadual waktu berdasarkan perkembangan murid dan pelaksanaannya adalah fleksibel.

Selain itu perancangan aktiviti PdP hendaklah mengambil kira perkara seperti kebolehan dan aras perkembangan kognitif murid, memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan semasa menjalankan aktiviti, memberi peluang dan masa yang mencukupi kepada murid untuk menjalankan aktiviti penerokaan. menggunakan bahan maujud dalam PdP bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan. Aktiviti PdP juga perlu pelbagai dan seimbang supaya pembelajaran murid lebih berkesan dan bermakna seperti: aktiviti dalam dan luar; aktiviti aktif dan pasif; aktiviti individu, kumpulan dan kelas; serta aktiviti berasaskan inisiatif murid dan aktiviti yang dirancang oleh guru

Dalam proses PdP, tidak ada satu kaedah dan strategi yang khusus dan terbaik untuk diaplikasikan di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian murid. Guru perlu bijak menggunakan pelbagai strategi PdP yang sesuai dengan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid supaya pembelajaran berkesan dan lebih bermakna. Oleh yang demikian, satu kajian diperlukan untuk mengenal pasti sejauh manakah guru-guru prasekolah mengamalkan amalan terbaik pengajaran. Diharap dengan adanya kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada guru dalam mengamalkan amalan terbaik pengajaran di peringkat prasekolah.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Meninjau pandangan guru prasekolah tentang Amalan Terbaik Pengajaran yang berpusatkan murid .

Merujuk kepada objektif kajian diatas, maka persoalan kajian ini ialah :

1. Apakah pandangan/pendapat guru prasekolah tentang Amalan Terbaik Pengajaran yang berpusatkan murid,

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan berpandukan metodologi kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk meneroka ATP dalam kalangan guru prasekolah. Menurut Creswell (2014) kajian kualitatif ialah reka bentuk penyelidikan yang membolehkan penyelidik membuat analisis mendalam tentang sesuatu kes, program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau sekumpulan individu. Bagi mendapatkan data mengenai keperluan latihan guru-guru prasekolah, satu temubual kumpulan berfokus atau "Focus Group Discussion (FGD) telah dilaksanakan . Teknik FGD telah digunakan dalam banyak kajian sains sosial mengupas dan meneroka isu-isu atau fenomena secara mendalam (Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee, 2018 & Merriam, 2009).

Morgan (1996) mendefinisikan FGD sebagai teknik kajian yang menggunakan interaksi kumpulan sebagai instrumen untuk mengutip data. Berg (2004) pula mendefinisikan sebagai kaedah temubual untuk kumpulan kecil . Ianya adalah satu teknik kajian kualitatif yang dipanggil "Fokus" kerana bentuk soalan yang dikemukakan (Thornton & Faisandier, 1998). Penggunaan FGD disarankan oleh Morgan (1996) , Quimet et al. (2001), Bloor et al.(2002), dan Barbour yang mencadangkan kajian kuantitatif atau kualitatif seperti temubual digabungkan dengan FGD bagi menghasilkan dapatan kajian dengan lebih tepat dan bermutu. Namun begitu kaedah ini juga boleh dijadikan kaedah tunggal dalam

kajian penerokaan sesuatu situasi atau mendalami sesuatu isu.

Proses FGD terbahagi kepada empat peringkat iaitu:

1. Peringkat menetapkan tempat bersidang dan peraturan asas perbincangan
2. Peringkat pengenalan individu
3. Peringkat Permulaan topik
4. Peringkat perbincangan

Kajian ini melibatkan tiga orang guru prasekolah. Menurut Miles & Huberman (1994), biasanya dalam penyelidikan kualitatif informan atau peserta kajian dipilih dalam jumlah yang kecil bagi mendapatkan maklumat secara mendalam dan berfokus. Setiap peserta kajiandiberikan kod R1, R2 dan R3 bagi menggantikan penggunaan nama sebenar mereka bagi menjaga data kerahsiaan peserta dan mematuhi etika pelaksanaan kajian. Kaedah soal selidikdengan soalan terbuka telah diaplikasikan.

Terdapat tiga soalan yang digunakan dalam soal selidik yang diedarkan iaitu seperti berikut:

1. Apakah pandangan anda mengenai ATP berpusatkan murid ?
2. Apakah halangan dan cabaran dalam melaksanakan ATP berpusatkan murid ?
3. Apakah penambahbaikan berhubung pelaksanaan ATP berpusatkan murid ?.

## **DAPATAN**

Dapatan ini mengemukakan kesemua jawapan yang direkodkan berdasarkan soalan-soalan terbuka yang telah ditanya kepada responden kajian. Respondan kajian adalah terdiri daripada guru-guru prasekolah yang mengajar di sekolah kebangsaan (SK) yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun . FGD telah dilaksanakan pada 3hb Mei 2023 bertempat di SK Sungai Dendang. Berikut adalah hasil dapatan yang diperoleh daripadaperbincangan Berfokus ini.

Pendapat berhubung pandangan anda mengenai ATP berpusatkan murid?

Responden telah memberi pendapat mereka berhubung ATP berpusatkan murid. Jadual 2 menunjukkan pernyataan responden untuk soalan (1).

**Jadual 2.** Pernyataan responden berhubung pandangan anda mengenai ATP berpusatkan murid

<b>Responden</b>	<b>Pernyataan</b>
R1	<p>Ada empat aspek pengajaran berpusatkan murid ialah pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran.</p> <p><b>Pengalaman murid :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan PdP- utamakan penglibatan murid,</li> <li>• Reka bentuk PdP berdasarkan pengetahuan sedia ada murid</li> <li>• Galakan murid susun sendiri pengetahuan</li> <li>• Beri peluang murid bercerita pengalaman</li> <li>• Aktiviti murid merasai situasi sebenar kehidupan</li> </ul> <p><b>Pengajaran holistik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Interaksi yang menyeluruh dengan murid</li> <li>• Rundingan secara menyeluruh berasaskan kekuatan dan kelemahan murid</li> <li>• Membuat rumusan keseluruhan pada akhir PdP</li> <li>• Menekan elemen sosiobudaya secara menyeluruh</li> <li>• Mengamalkan elemen merentas kurikulum</li> </ul> <p><b>Pengajaran autentik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beri tugas yang relevan</li> <li>• Mewujudkan interaksi yang menyeronokkan</li> <li>• Memberikan masa yang cukup kepada murid untuk selesaikan masalah tanpa merasa tertekan.</li> </ul> <p><b>Pengajaran berasaskan cabaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan penilaian yang mencabar</li> <li>• Susun PdP ikut aras kesukaran</li> <li>• Sediakan sumber akses untuk murid</li> </ul>
R2	<p><b>Pengalaman murid :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penekanan Aspek penghayatan nilai yang bersesuaian</li> <li>• Soalan berdasarkan pengalaman sedia ada murid</li> <li>• Memberikan pengalaman yang sesuai untuk jana kebenaranian membuat keputusan</li> <li>• Memberikan ganjaran untuk merasi pengalaman dihargai.</li> </ul>

	<p><b>Pengajaran holistik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerapkan aspek jasmani, emosi ,rohani, intelek dan sosial.</li> <li>• Kemahiran mentafsir</li> <li>• Membuat refleksi pemikiran sendiri</li> </ul> <p><b>Pengajaran autentik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaitkan persekitaran dengan aktiviti PdP</li> <li>• Mengenal pasti kebolehan murid untuk pilih kaedah pengajaran yang sesuai.</li> <li>• Memberi peluang murid berbincang dengan guru.</li> </ul>
R3	<p><b>Pengalaman murid :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti main peranan</li> <li>• Tugas yang memerlukan murid menyelesaikan</li> </ul> <p><b>Pengajaran holistik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi gambaran awal tentang topik yang bakal diajar Menyampaikan fakta secara menyeluruh</li> <li>• Minta murid membaca keseluruhan teks sebelum membina pemahaman baharu</li> <li>• Pengajaran secara keseluruhan bukan berfokus Pengajaran secara umum kepada fokus</li> </ul> <p><b>Pengajaran autentik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan interaksi yang menyeronokkan</li> <li>• Memberikan masa yang cukup kepada murid untuk selesaikan masalah tanpa merasa tertekan.</li> </ul> <p><b>Pengajaran berasaskan cabaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cabar murid untuk dapatkan maklumat tentang PdPdengan daya usaha sendiri</li> <li>• Objektif aktiviti PdP untuk jana idea murid</li> <li>• . Beri soalan terbuka dan lanjutan</li> </ul>

Berdasarkan pernyataan responden dalam Jadual 1, kesemua responden mempunyai pendapat dan pendapat yang positif terhadap pelaksanaan pembelajaran ATP. Para responden bersetuju bahawa pengajaran berpusatkan murid terbahagi kepada empat elemen seperti yang dinyatakan. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa guru-guru setuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa pengajaran berasaskan pengalaman sangat berkesan dalam meningkatkan proses PdP di prasekolah.

**Penyataan responden berdasarkan halangan dan cabaran dalam melaksanakan ATP berpusatkan murid ?**

Dengan merujuk pada soalan ke maklum balas daripada responden telah dikumpulkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Pernyataan responden berhubung halangan dan cabaran dalam melaksanakan ATP berpusatkan murid

<b>Responden</b>	<b>Penyataan</b>
R1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cabaran yang dihadapi oleh para guru ialah guru diberikan pelbagai jawatan yang bukan sepatutnya dilakukan .</li><li>• Mengajar lebih penting tetapi banyak tugas lain.</li><li>• Berdepan dengan kanak-kanak masa kini. Mereka sukar untuk memahami tingkahlaku kanak-kanak serta memerlukan ilmu dan pendekatan yang sesuai dalam mengendalikan tingkah laku kanak-kanak. Mereka menyatakan bahawa kanakkanak kini berbeza dengan kanak-kanak yang lalu. Sikap dan tingkah laku mereka berbeza dan ini memerlukan cara yang berbeza untuk mengendalikan mereka</li></ul>
R2	<ul style="list-style-type: none"><li>• Para guru juga terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian seperti mengisi borang, menaip surat dan menyediakan minit mesyuarat.</li><li>• Guru juga memegang jawatan seperti penyelaras papan notis, penasihat persatuan, kelab dan sukan.</li><li>• Kerja-kerja ini telah menyebabkan para guru perlu membahagikan masa dan semestinya mengurangkan kualiti pengajaran seseorang guru.</li></ul>
R3	<ul style="list-style-type: none"><li>• Selain itu, tanggungjawab seseorang guru pada masa kini bukan sahaja mengajar tetapi seseorang guru juga terpaksa memegang beberapa portfolio dalam sesuatu jawatankuasa atau memegang sesuatu jawatan yang tidak berkaitan aktiviti pengajaran dalam kelas.</li></ul>

Berdasarkan pernyataan responden dalam Jadual 2, walaupun kebanyakan responden menyedari manfaat dan kepentingan ATP mereka akui bahawa pelaksanaannya masih pada sederhana seperti yang dinyatakan kerana responden terlibat dengan pelbagai tugas lain. Pihak sekolah harus mengurangkan beban para guru prasekolah dengan mengalihkan kerja-kerja perkeranian atau jawatan-jawatan dalam sesuatu jawatankuasa daripada guru-guru. Pihak sekolah juga harus mengupah kerani dalam membantu melakukan kerja-kerja perkeranian bukannya memberi tugas ini kepada guru. Selain daripada kerani, pihak sekolah juga boleh mengupah penyelia untuk menjaga dan menyelia sebuah jawatankuasa atau tugas. Hal ini akan dapat mengurangkan bebanan para guru dan membolehkan mereka menggunakan masa yang lebih banyak untuk menyediakan bahan untuk pengajaran yang berkesan. Para guru haruslah diberikan masa dan ruang yang mencukupi agar dapat mengurangkan tekanan dalam pekerjaan ini.

Apakah cadangan cadangan tambah baik berhubung pelaksanaan ATP berpusatkan murid ?

Maklum balas bagi soalan ini dikategori mengikut tema-tema yang terdiri daripada:

- i. memberi kursus dan latihan yang berkaitan ATP
- ii. Mengurangkan tugas yang tidak berkaitan

### **Memberi kursus dan latihan yang berkaitan ATP berpusatkan murid**

Kesemua responden mencadangkan agar guru prasekolah diberi latihan dan kursus berkaitan ATP. Latihan dan kursus dalam perkhidmatan boleh dikendalikan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan kandungan dan objektif latihan dalam perkhidmatan tersebut. Maka kebanyakan latihan dalam perkhidmatan diadakan dalam bentuk kursus- kursus jangka pendek seperti kuliah, perbincangan, sumbangsaran, mengajar menggunakan modul, tunjuk cara atau demonstrasi, tayangan video, lawatan sambil belajar serta bentuk-bentuk lain yang sesuai kerana ia disediakan atas kemampuan sekolah dari segi kemudahan fizikal dan kewangan yang terhad. Jadual 4 menunjukkan pernyataan-pernyataan dimana responden meminta agar mereka diberi kursus dan latihan berkaitan ATP.

**Jadual 4** Pernyataan dimana responden meminta agar mereka diberi kursus dan latihan berkaitan ATP.

<b>Responden</b>	<b>Pernyataan</b>
R1	Sememangnya untuk menjadikan seorang guru menjadi lebih profesional dan kompeten dalam menjalankan tugas, latihan pembangunan profesional hendaklah dijalankan secara berterusan. Latihan haruslah berfokus kepada elemen pengajaran berkualiti seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap.
R2	Latihan- latihan yang diberikan kepada mereka memberikan kesan yang baik kepada diri mereka.
R3	Dari aspek pengetahuan, para guru tadika perlu dimantapkan lagi bagi memastikan para guru dapat mengetahui dan menguasai pedagogi terkini serta bersesuaian dengan murid



### Mengurangkan tugas yang tidak berkaitan

Kesemua responden mencadangkan agar guru prasekola tidak dilibatkan dalam aktiviti atau program yang tidak berkait dengan tugas hakiki mereka iaitu mengajar. Jadual 8 menunjukkan pernyataan-pernyataan dimana peserta meminta agar pembina polisi mengurangkan tugas yang tidak berkaitan.

**Jadual 5** Pernyataan peserta berkaitan tugas tidak berkaitan

<b>Peserta</b>	<b>Pernyataan</b>
R1	Kurangkan bebanan guru yang tidak berkaitan tugas hakiki mereka."
R2	Semua tugas yang banyak ini memaksa guru menumpukan perhatian masa dan tenaga kepada pelbagai jenis komitmen yang boleh menjejaskan pengajaran serta peningkatan profesionalisme.
R3	Anggapan masyarakat bahawa tugas guru selama lima hari adalah menyeronokkan dan mendapat cuti yang banyak adalah tidak tepat. Tugas guru agak berat kerana ia merangkumi tugas pengajaran dan bukan pengajaran. Tugas pengajaran memerlukan guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan banyak lagi tugas-tugas khas lain yang terpaksa dibuat.

Merujuk pada pernyataan oleh R1, R3 dan R3 guru meminta agar dikurangkan bilangan aktiviti dan bebanan guru yang tidak berkaitan tugas hakiki mereka mahupun pendidikan dalam usaha mengoptimumkan peranan mereka dalam melaksanakan ATP.

## **PERBINCANGAN**

Kesimpulannya, ATP merupakan salatu elemen yang amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Guru pula merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memastikan ATP dapat dilaksanakan dengan baik dan berterusan. Hal ini berkait dengan kajian Abdul Halim Masnan, Nur Ellina & Nur Arifah (2019) iaitu menjadikan seorang guru menjadi lebih profesional dan kompeten dalam menjalankan tugas, latihan pembangunan profesional hendaklah dijalankan secara berterusan. Dalam hal itu, latihan haruslah berfokus kepada elemen pengajaran berkualiti seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dari aspek pengetahuan, para guru tadika perlu dimantapkan lagi bagi memastikan para guru dapat mengetahui dan menguasai pedagogi terkini serta bersesuaian dengan murid.

Guru menunjukkan pandangan yang positif berhubung pelaksanaan ATP. Selain itu, hasil kajian ini akan dapat menjelaskan jenis-jenis medium yang sering digunakan oleh guru untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan. Dengan demikian, kajian ini akan dapat membantu guru-guru dalam merancang penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji yang berminat dengan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah.

## **KESIMPULAN**

Antaranya, hasil kajian ini dapat menjelaskan tentang ATP guru terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran murid, Hal ini demikian kerana melalui pembelajaran menyeronokkan yang berpusatkan murid dapat memenuhi kepelbagaian kecerdasan murid. Sekiranya guru mengamalkan kaedah pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran maka aspirasi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) tersebut sesuai untuk semua.

Justeru, hasil daripada kajian ini akan berupaya membantu pelbagai pihak dalam menangani permasalahan dan isu pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid. Pada masa yang sama, mampu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru prasekolah. Secara keseluruhannya, ATP amat penting untuk mewujudkan persekitaran dan iklim sekolah yang selesa dan kondusif terhadap kesihatan emosi dan mental guru-guru dan murid-murid bagi mengelakkan timbulnya tekanan dan saling prejudisantara guru dengan murid dan mungkin dengan ibu bapa murid.

Oleh itu, kolaborasi antara pihak sekolah dengan ibu bapa murid perlu diwujudkan. Selain daripada itu, para informan juga memerlukan satu latihan mengenai strategi dalam meningkatkan kerjasama dan penglibatan ibubapa serta komuniti dalam pendidikan di tadika. Mereka kekurangan idea dalam menentukan bentuk kerjasama bersama ibu bapa dan komuniti serta mereka memerlukan perkongsian pengalaman mengenai amalan terbaik dalam memupuk kerjasama ibubapa dan komuniti dalam pendidikan di tadika. Latihan untuk aspek ini mestilah menjurus kepada perancangan, pelaksanaan dan penilaian program kerjasama bersama ibubapa serta bagaimana menjalankan promosi dalam menjalankan program-program kerjasama tersebut (Norazly Nordin et al. 2022)

Latihan pembangunan profesional dilihat berupaya untuk meningkatkan kompetensi guru tadika dalam menjalankan tugas serta mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama kanak-kanak (Zdanevych, Kruty, Tsehelnik, Pisotska & Kazakova, 2020). Adakalanya, menghadiri kursus pembangunan profesionalisme tidak begitu membantu guru menambah baik pengajaran mereka. Dalam kajian yang dijalankan oleh, selepas menghadiri kursus pembangunan sekerap dua ke tiga kali dalam sebulan, guru mengakui yang mereka masih memerlukan bantuan dan bimbingan dalam usaha memahami, mengatur dan melaksanakan reformasi pendidikan ini. Dapatan kajian Chuanmei Dong (2018) ini juga menunjukkan para guru memerlukan latihan berterusan mengenai pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika.

Demikian juga guru prasekolah, bebanan tugas yang banyak sehingga tugas-tugas perkeranian seperti membuat inventori kewangan, membeli bahan-bahan dapur untuk keperluan harian kanak-kanak dan sebagainya dapat memberi tekanan kepada guru prasekolah. Oleh itu, beban tugas sebagai guru, pentadbir dan pengajar boleh dikurangkan dengan menambah jumlah guru dan pembantu guru

prasekolah di pusat prasekolah agar beban tugas boleh diagih-agihkan seterusnya dapat mengurangkan tekanan kerja di pusat prasekolah ( Abdul Said Ambotang & Mohd Hashim, 2010).

Kesimpulannya, ATP berpusatkan murid merupakan satu amalan penting yang wajib dilaksanakan oleh guru-guru kerana hal ini selaras dengan kehendak kurikulum Pendidikan prasekolah. Selain itu, guru juga digalakkan menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan sumber pembelajaran. Guru turut digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Oleh itu, ATP perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dan peningkatan prestasi murid di bilik darjah (Nur Hadibah, 2020). Maka dengan ini jelaslah peranan guru sebagai pemudahcara dalam menyampaikan pengetahuan perlulah menerapkan ATP agar proses pengajaran menjadi lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaiannya serta melahirkan murid prasekolah yang cemerlang dan terbilang.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony & Nur Arifah Syahindah Zainudin, 2019 (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak- Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41
- Abdullah Hassan. (2004). Language planning in Malaysia: The first hundred years. *English Today*, 84, 3-12.
- Abdullah Hassan dan Aion Mohd. (2008). *Bakat dan kemahiran memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ambotang, A. S., & Mohd Hashim, M. H. (2010). The Relation of Work Environment and Stress in Classroom Management among Preschool Teachers. *Journal of Techno-Social*, 2(2). Retrieved from <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/326>
- Chuanmei Dong (2018) Preschool teachers' perceptions and pedagogical practices: young children's use of ICT, *Early Child Development and Care*, 188(6), 635-650
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research (Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research)* (4th Ed). Boston: Pearson.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation* (2nd Ed). San Francisco: Jossey-Bass.
- Hushaini, N. H., Osman, Z., & Sarudin, A. (2020). Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah (The Implementation Of Best Teaching Practices Of Malay Language Among Primary School Teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 1-13.
- Juriah Long. (2010). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Pnyt)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (a). 2017. *Dokumen Standard dan Penaksiran Kebangsaan (Pendidikan Prasekolah)*.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *An Expanded Sourcebook Qualitative Data Analysis* (2nd Ed). Sage Publications, Inc.
- Nordin, N., Ahmad Sabri, M. S., Nurdin, J., Rosli, N. N., & Zulkuple, S. S., (2022). Analisis Keperluan Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru Tadika Islam Berdasarkan Perspektif Guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 1 - 8.
- Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N., (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. Retrieved from <https://besjournals.onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/2041210X.12860>
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 1- 15.
- Shahril @ Charil Haji Marzuki. (2004). Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 24: 1-14
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program Linus di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 1-11.
- Zdanevych L.V, Kruty K.L, Tsehelnik T.M, Pisotska L.S, & Kazakova N.V. (2020). The Formation of Key Competences in the Training Process of Preschool Education Specialists (Experience of the United Kingdom, Germany, Ukraine). *International Journal of Higher Education*. 9(7). 196-206.
- Zemelman, S., Daniels, H. & Hyde, A. (2012). *Best practice bringing standard to life in America's Classroom*. Amsterdam: Hanover Street Heinemann.
- Zulkifli Osman. 2013. Belajar bahasa secara holistik: Apakah pandangan murid? *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13 (2): 102-1